

# Pusat baru bagi rawat barah perut dan pelvis

PUSAT Barah Nasional Singapura (NCCS) telah menubuhkan sebuah pusat baru bagi merawat pesakit barah perut dan pelvis pada peringkat agak teruk.

Pusat itu akan menjalankan penyelidikan mengenai penyakit tersebut untuk memperbaiki lagi penakatan pesakit barah.

NCCS dalam kenyataannya semalam berkata pesakit barah perut dan pelvis, yang sebelum ini dikatakan hanya mempunyai peluang hidup antara enam dengan 12 bulan, kini mempunyai lebih peluang untuk hidup ekoran satu perintis prosedur pembedahan di rantau ini oleh pusat berkenaan.

Prosedur itu, yang dikenali sebagai Peritonektomi, membolehkan

kan pembuangan semua ketumbuhan yang boleh dilihat dalam gariisan rongga perut pesakit berkenaan seperti barah kolorektum dan ovari.

Kira-kira 80 pesakit telah menjalani Peritonektomi sejak NCCS memperkenalkannya 10 tahun lalu.

Hasil satu analisis menunjukkan bahawa prosedur itu menawarkan lebih 65 peratus kadar penakatan pada keseluruhannya dalam masa tiga tahun.

NCCS juga menambah bahawa pesakit pertama yang menjalani prosedur ini di NCCS masih lagi hidup, menjadikan penakatan paling lama sehingga kini 10 tahun.

Sebelum ini, pesakit bergantung pada kemoterapi dan jarang boleh hidup lebih setahun, menurut pusat berkenaan.

Penubuhan pusat itu akan juga membolehkan pembangunan program penyelidikan yang kukuh, menurut NCCS sambil menambah bahawa beberapa projek penyelidikan akan dijalankan termasuk penggunaan contoh haiwan yang menyamai corak barah perut manusia dan membenarkan ujian agen kemoterapi.

Pusat itu juga menjalankan pemprofilan ketumbuhan genetik bagi menunjukkan tabiat biologi dan membenarkan rawatan peribadi bagi pesakit barah pada masa akan datang, ujar NCCS.